



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KANAK-KANAK (PICKids) DI SEKOLAH**

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) telah dimulakan secara rasmi di peringkat Kebangsaan pada 3 Februari 2022 dengan menyasarkan 3.6 juta golongan kanak-kanak berusia 5 (mengikut tarikh lahir) hingga bawah 12 tahun. Langkah ini akan melindungi kanak-kanak daripada jangkitan teruk COVID-19 dan memastikan risiko jangkitan di sekolah dapat dikurangkan, sekaligus mencegah kejadian kluster dalam kalangan warga sekolah.

Dari 3 hingga 10 Februari 2022, seramai 79,393 kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun telah menerima dos 1 vaksin COVID-19 jenis Comirnaty (Pfizer BioNTech). Pencapaian tertinggi adalah di Selangor 28,661 kanak-kanak, diikuti WP Kuala Lumpur & Putrajaya 17,887 kanak-kanak, Sarawak 17,877 kanak-kanak, Sabah 4,962 kanak-kanak, Melaka 3,425 kanak-kanak dan Negeri Sembilan 2,728 kanak-kanak.

Pemberian vaksin kanak-kanak dilaksanakan di pelbagai PPV iaitu di hospital, klinik kesihatan, PPV Integrasi dan PPV off-site. Saya ingin mengumumkan satu lagi pendekatan yang akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memudahkan dan mempercepatkan lagi proses pemberian vaksin kepada murid sekolah rendah iaitu PPV Sekolah. Sukacita dimaklumkan pada masa ini, Jabatan Kesihatan Negeri telah mengenal pasti 1,055 buah sekolah yang akan menjadi PPV PICKids. Kesemua 1,055 sekolah ini akan menjadi pusat pemberian vaksin kepada murid di sekolah tersebut dan murid daripada sekolah-sekolah berdekatan. Adalah dijangka jumlah PPV sekolah akan bertambah dari masa ke semasa. Kesemua PPV sekolah akan mula beroperasi selewat-lewatnya 14 Februari 2022 di seluruh negara.

Bagi pemberian vaksin di sekolah, senarai nama kanak-kanak yang layak akan disediakan oleh pihak sekolah. Pemberian vaksin dilaksanakan oleh pasukan kesihatan sekolah atau pengamal perubatan swasta. Ibu bapa atau penjaga

yang mempunyai aplikasi MySejahtera perlu mendaftar kanak-kanak sebagai tanggungan dalam MySejahtera bagi mendapatkan janji temu vaksin dan sijil digital vaksinasi manakala ibu bapa atau penjaga yang tidak mempunyai aplikasi MySejahtera tidak perlu bimbang kerana tarikh dan lokasi janji temu akan dimaklumkan melalui pihak pengurusan sekolah.

KPM telah bersetuju untuk membantu mengatur janji temu secara berkelompok untuk vaksinasi di sekolah atau di pusat vaksinasi yang telah dikenalpasti oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi melancarkan pelaksanaan vaksinasi COVID-19.

Sebagai langkah mengelakkan kesesakan di PPV, hanya salah seorang ibu atau bapa atau penjaga dibenarkan menemani kanak-kanak untuk tujuan vaksinasi. KKM menasihatkan ibu bapa memastikan kanak-kanak yang akan divaksinkan mendapat rehat pada malam sebelumnya, bersarapan pagi dan meminum air secukupnya sebelum ke PPV. Ibu bapa perlu mengawasi kanak-kanak supaya tidak melakukan aktiviti lasak bagi tempoh 7 hari selepas menerima vaksin.

KKM sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada KPM untuk meneruskan kerjasama sebagaimana PICK-Remaja sebelum ini. KKM berhasrat untuk meneruskan kerjasama dengan pihak KPM bagi memastikan liputan vaksinasi COVID-19 kanak-kanak pula dapat dicapai sepertimana yang telah ditetapkan.

**DATO' DR HJ NOOR AZMI BIN GHAZALI**  
**TIMBALAN MENTERI KESIHATAN 1**  
**MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA BERTINDAK IMUNISASI**  
**COVID-19 KANAK-KANAK (CITF-C)**

11 Februari 2022